



KENANGAN...Musa merakamkan gambar kenangan bersama ahli jawatankuasa pelaksana Hari Seniman 2011 dan ahli Persatuan Kebajikan Artis Veteran (PKAV) di perkarangan Sekolah Pengajian Seni, UMS, kelmarin.

Gunakan kemudahan dan kepakaran industri perfileman negeri

Terbit kisah tentang Sabah

UB 26/09/2011 B14

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

KETUA MENTERI, DATUK SERI PANGLIMA MUSA AMAN kelmarin melahirkan harapan agar ada filem dan dokumentari berkaitan sejarah negeri ini diterbitkan dalam bentuk filem, animasi atau dokumentari oleh para penggerak industri perfileman negeri atau negara.

Beliau berkata, langkah ini bertujuan membentuk pemikiran dan sikap positif generasi muda dalam membantu membangunkan negara bangsa yang bersatu padu dan berjaya.

Katanya, kandungan penerbitan ini boleh memaparkan kejayaan dan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu dan hari ini untuk tatapan generasi seterusnya.

“Penerbitan seperti ini penting bagi mengelakkan peristiwa sejarah disalahtafsir oleh pihak tertentu untuk kepentingan diri, seperti mana yang kerap berlaku kebelakangan ini,” katanya.

Musa berkata, Kerajaan Negeri juga akan terus memberikan sokongan dan komitmen terhadap pengurusan aktiviti berkaitan industri kreatif perfileman.

“Dalam konteks yang

lebih luas, aktiviti-aktiviti kesenian seperti perfileman memberi sumbangan besar kepada Sabah dengan mempromosikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan,” katanya ketika berucap merasmikan Hari Seniman Sabah 2011 di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin.

Sebelum ini, Sabah juga pernah menjadi tuan rumah Festival Filem Malaysia ke-22 pada tahun 2009 yang mendapat maklumbalas positif daripada karyawan dan media.

“Selepas Festival Filem Malaysia yang lalu, didapat perkembangan industri perfileman di Sabah terutama dalam penerbitan rancangan televisyen juga bertambah rancak.

“Selain itu, banyak syarikat produksi tempatan menjadikan Sabah sebagai lokasi penggambaran filem dan drama televisyen dan turut menyumbang kepada pertambahan syarikat produksi milik anak-anak tempatan sekaligus membuka lebih banyak peluang kerja,” katanya.

Dalam pada itu, musa berharap UMS menjalin kerjasama dengan agensi berkaitan untuk merangka pelan strategik yang lebih komprehensif bagi menjadikan industri



PENGHARGAAN...Musa (kiri) menerima cendera tangan daripada Presiden Persatuan Kebajikan Artis Veteran (PKAV), Datuk Ismail Hutson (kanan). Turut kelihatan Naib Canselor UMS, Brig Jen prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon.

kreatif seperti industri perfileman sebagai sumber pembangunan dan penjanaan ekonomi negeri.

Katanya, jika negara seperti Amerika Syarikat, India, Hong Kong dan Korea boleh menjadikan industri kreatif sebagai salah satu sumber ekonomi negara, beliau yakin negeri ini juga boleh mencapai tahap itu dengan perancangan strategik dan kreativiti anak tempatan.

“Justeru, kemudahan

seperti youtube, facebook, twitter dan blog harus dimanfaatkan sebaiknya sebagai medium untuk menerapkan unsur-unsur positif dan profesionalisme dalam bidang diceburi selain sebagai alat hiburan dan pendidikan,” katanya.

Di samping itu, beliau turut mencadangkan agar UMS mengusahakan penerbitan dokumentari dan penulisan buku yang menceritakan sumbangan dan pengalaman karyawan

tempatan.

Katanya, bahan seperti ini akan dapat dijadikan rujukan bukan sahaja oleh para pelajar kesenian dan komunikasi, malah juga masyarakat umum.

Kelmarin, turut diadakan penanaman kapsul masa yang merupakan julung-julung kali diadakan di universiti ini.

Musa berharap tapak penanaman kapsul itu kelak akan menjadi sebahagian daripada mercu tanda UMS.